

Transkrip Taklimat Harian Jurucakap Jabatan Negara, 30 Jun 2008

Taklimat Media Harian

Tom Casey, Timbalan Jurucakap
Washington, DC
30 Jun 2008

Penangkapan Saudara Anwar Ibrahim
Kedaulatan Undang-undang Perlu Mengatasi Politik di Malaysia

SOALAN: Bercakap tentang Asia. Tinggi harapan saya sekiranya anda dapat memberi komen tentang penangkapan Encik Anwar di Malaysia yang dibangkitkan oleh Arshad pada pagi ini.

ENCIK CASEY: Boleh. Saya berkesempatan menjengok sedikit tentang perkara ini. Pertama, saya difahamkan bahawa tiada dakwaan formal telah dibuat. Namun, tuduhan ini sedang disiasat oleh pihak polis. Perkara utama bagi kami adalah kedaulatan undang-undang mesti mengatasi politik. Pihak kami semestinya akan menentang sebarang penguatkuasaan undang-undang atau prosedur kehakiman yang tidak mengikut undang-undang. Seperti yang saya katakan tadi, pihak polis Malaysia sedang menyiasat tuduhan ini. Saya rasa saudara boleh bercakap dengan mereka tentang statusnya. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Encik Ibrahim pernah menghadapi tuduhan yang serupa beberapa tahun lepas dan sabitan itu akhirnya telah dibatalkan. Oleh itu, kami harap tidak wujud suatu corak di sini. Sememangnya pihak kami bimbang dan sebarang tindakan mestilah dilakukan dengan cara yang betul, iaitu adanya penyiasatan sah mengikut lunas-lunas perundangan Malaysia, dan sebarang penyiasatan dan pendakwaan mestilah tidak berasaskan politik.

Dipetik daripada:

<http://www.state.gov/r/pa/prs/dpb/2008/jun/106402.htm>